

Aku Sebuah Basikal

Aku sebuah basikal. Namaku BMS. Aku dilahirkan di sebuah kilang di Sungai Petani. Badan aku _____ daripada besi. Tubuhku berwarna merah. Aku dilengkapi dua tayar yang _____ di badanku.

Setelah siap, aku _____ ke sebuah kedai menjual basikal di Pasir Gudang. Aku ditemani oleh rakan-rakanku yang berlainan saiz dan bentuk. Perasaanku sangat gembira dan _____. Tuan kedai telah membersihkan tubuh badanku. Aku _____ di bahagian hadapan kedai tersebut. Beliau meletakkan tanda _____ di badanku.

Pada suatu hari, ada seorang budak bernama Kamal datang ke kedai sambil _____ oleh ibunya. Kamal amat _____ ketika memandang tubuh badanku. Dia cuba _____ ibunya untuk membeliku. Aku telah dibeli dengan harga RM 300.00 berserta dengan hadiah sampingan.

Kamal menjagaku dengan baik sekali. Pada setiap petang, aku akan _____ dengan cermat ke taman permainan yang terletak _____ rumahnya. Hatiku sangat gembira kerana dapat menggembirakan hati tuan ku. Rakan-rakannya sering _____ kecantikan tubuh badanku.

Pada hari minggu, tuan akan mencuci badan aku dengan air sabun. Selepas itu, dia akan _____ badanku sehingga berkilat-kilat. Pada sebelah malam, Kamal akan _____ aku di dalam garaj kereta agar tidak dicuri orang.

Aku sangat berbesar hati kerana diriku dihargai dan disayangi. Setiap hari, aku akan dijaga dan _____. Aku berjanji akan berbakti kepada tuan aku sehingga _____ hayatku.

harga	dihantar	tertarik	dipamerkan
dipasang	mengunci	ditemani	teruja
ditunggang	memuji	akhir	berhampiran
disayangi	menggilap	memujuk	diperbuat